

22 JUL 1996

PARLIMEN: KES RAFIDAH SATU KESILAPAN TEKNIK, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Peguam Negara telah memutuskan bahawa kes kelulusan saham oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz kepada menantunya merupakan kesilapan teknik yang tidak menjadi kesalahan secara automatik, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan itu, kata Perdana Menteri, Peguam Negara tidak bercadang untuk membawa apa-apa pertuduhan terhadap sesiapa dalam kes yang melibatkan kelulusan 1.5 juta saham Leader dan 4,173,901 saham FACB itu.

"Peguam negara telah membuat keputusan tentang siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah dalam kes yang melibatkan beliau (Rafidah) dan kes ini adalah satu kesilapan teknik yang tidak menjadi satu kesalahan secara automatik," katanya sebagai menjawab soalan bertulis daripada Lim Guan Eng (DAP - Kota Melaka) pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Rafidah didakwa telah meluluskan saham bernilai RM25 juta dalam pasaran semasa itu kepada menantunya, Razrin Azwar. -- BERNAMA

RAM NMO